

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Takaful Berhad ("Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful Kenderaan Persendirian Komprehensif . Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	Takaful Kenderaan Persendirian Komprehensif Tarikh : 10/07/2025

1. Apakah produk ini?

Sijil ini memberikan perlindungan takaful terhadap tuntutan dari pihak lain bagi kecederaan atau kematian, kerosakan kepada harta benda pihak lain dan kemalangan yang bukan disengajakan atau kerosakan akibat kebakaran atau kecurian kenderaan anda.

2. Apakah konsep-konsep Shariah yang digunakan?

Wakalah

Produk ini menggunakan konsep wakalah (perwakilan), di mana para peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am (Dana). Para peserta juga bersetuju untuk memberikan kuasa kepada kami untuk mewakilkan hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh kami bagi mencapai objektif untuk melabur dan menguruskan Dana tersebut dengan syarat, bagi perwakilan ini, kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap para peserta. Sebagai ejen, kami berhak menerima fi wakalah sebagai caj perkhidmatan.

Tabarru'

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru' (derma), di mana para peserta bersetuju untuk menderma atau menyumbang sumbangan mereka kepada Dana bagi tujuan saling membantu dan menolong mana-mana peserta lain yang memerlukan bantuan berdasarkan peristiwa yang telah dipersejui terlebih dahulu. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebihan dalam Dana, tolak pembayaran balik defisit bersejarah dan peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami, 50% akan dikongsi antara peserta yang sijilnya belum ditamatkan dan yang belum membuat tuntutan dalam tahun kewangan, dan 50% kepada kami kerana mengendali dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah. Ju'alah ialah kontrak ganjaran yang menentukan pengagihan perkongsian lebihan. Jika lebihan itu kurang daripada RM10.00, lebihan itu akan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai 'Amal Jariah' bagi pihak peserta. Tabung kebajikan akan diagihkan kepada penerima yang layak sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami untuk tujuan kebajikan.

3. Apakah jenis-jenis perlindungan/manfaat yang diberi?

Sijil ini melindungi:

- Kecederaan badan dan kematian Pihak Ketiga;
- Kerugian atau kerosakan harta benda Pihak Ketiga; dan
- Kerugian atau kerosakan terhadap kenderaan anda akibat kebakaran yang bukan disengajakan, kecurian atau kemalangan

Manfaat pilihan yang boleh anda pertaruhkan tanpa sumbangan tambahan:

- Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu (Bukan Tarif).

Pilihan manfaat tambahan yang boleh anda pilih dengan membayar sumbangan tambahan:

- Kerosakan cermin kenderaan;
- Perlindungan liabiliti penumpang;
- Kerosakan akibat banjir, ribut, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun malapetaka alam yang lain;
- Pampasan untuk Kehilangan Penggunaan;
- Diskaun Tanpa Tuntutan (DTT) semasa;
- Aksesori kenderaan;
- Perlindungan Penyemburan Semula Kereta;
- Perlindungan Penggantian Kunci Pintar;
- Perlindungan Alat-alat Ganti Baru;
- Kerusi Keselamatan Kanak-kanak (Bukan Tarif); atau
- Pengecas Dinding Rumah Kenderaan Elektrik (EV) (Bukan Tarif).

Nota:

1. Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk maklumat lanjut.
2. Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful setiap tahun.
3. Ia adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura jika memasuki negara tersebut tanpa menambah perlindungan liabiliti penumpang kepada Takaful Kenderaan Persendirian anda.
4. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar adalah berbeza bergantung kepada jumlah yang dilindungi, buatan dan model kenderaan anda, umur anda, pengalaman tuntutan lepas, kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (DTT), pilihan manfaat tambahan dan keperluan pengunderitan kami.

Contoh Pengiraan:

Pemegang sijil persendirian

Buatan/Model	:	Proton Gen-2
Usia Kenderaan	:	5 tahun
Kapasiti Enjin	:	1500 cc
Amaun yang dilindungi	:	RM 30,000.00
Kelayakan DTT	:	30%
Manfaat Tambahan	:	Kerosakan cermin kenderaan dengan amaun RM 500.00

Anggaran jumlah sumbangan yang perlu anda bayar ialah RM 810.25 seperti berikut:

Sumbangan Asas : RM1,069.00

Tolak 30% Diskaun Tanpa Tuntutan	:	RM 320.70
Tambah Manfaat Tambahan (Kerosakan cermin kenderaan)	:	RM 748.30
Tolak 10% Diskaun kepada Peserta	:	RM 75.00
8% Cukai Perkhidmatan	:	RM 823.30
Jumlah Sumbangan	:	RM 82.33
Tambah Duti Setem	:	RM 740.97
Jumlah Sumbangan perlu di bayar	:	RM 59.28
		RM 800.25
		RM 10.00
		RM 810.25

Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan

5. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Fi Wakalah	30% daripada sumbangan termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • 10% Diskaun kepada peserta • 20% Perbelanjaan pengurusan
Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan
Duti Setem	RM10.00

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ambil perhatian?

Kepentingan Pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak takaful anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

Kurang / Lebih Perlindungan Takaful - Anda mesti memastikan kenderaan anda dilindungi pada amaun yang berpatutan.

Ekses Sijil, iaitu jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sekira nya kenderaan anda rosak akibat kemalangan.

Ekses Wajib - Di mana anda juga terpaksa menanggung ekses tambahan sebanyak RM400 jika anda atau orang yang memandu kereta anda:

- berumur bawah 21 tahun; atau
- pemegang lesen memandu sementara (P) atau percubaan (L).

Bayaran Sebelum Perlindungan (CBC) - Sumbangan hendaklah dibayar terus kepada kami sebelum perlindungan boleh diberikan.

Tuntutan - Jika anda ingin membuat tuntutan, berikut adalah apa yang perlu anda lakukan:

- Buat laporan kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan;
- Makluman kepada kami secepat mungkin kerugian atau kerosakan yang berlaku bagi setiap tuntutan yang ingin dibuat di bawah sijil anda. Makluman boleh dilakukan secara bertulis atau melalui panggilan telefon ke talian Khidmat Pelanggan kami 1300 88 1007;
- Lengkapkan dan hantar borang tuntutan bersama dokumen sokongan yang lain secepat mungkin; dan
- Anda boleh menghantar kereta anda ke mana-mana bengkel pembaikan yang diluluskan seperti berikut:
 - Bengkel pembaikan motor yang terdapat dalam panel bengkel Kami yang diluluskan; atau
 - Bengkel pembaikan motor yang diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) di bawah PIAM Approved Repairers Scheme (PARS); atau
 - Mana-mana pembaikan lain yang telah Kami berikan kepada Anda kebenaran khas untuk digunakan.

Sila rujuk sijil takaful untuk butiran lanjut mengenai bengkel Pembaikan yang Diluluskan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk melihat keseluruhan terma dan syarat.

7. Apakah pengecualian-pengecualian di bawah sijil ini?

Sijil ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Kematian anda atau kecederaan badan sendiri akibat kemalangan kenderaan;
- Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan anda;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang berlaku daripada tindakan alam semula jadi, contoh banjir, ribut atau tanah runtuh; dan
- Kerugian sampingan, susut nilai, kegunaan biasa, karat dan hakisan, kerosakan mekanikal atau elektronik, kegagalan atau pecahan, peralatan atau program komputer yang gagal berfungsi.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian di bawah sijil ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis dan menyerahkan Sijil Takaful asal anda kepada kami. Pembayaran balik sumbangan setelah pembatalan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam sijil.

9. Apa yang patut saya buat sekiranya ada perubahan maklumat?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami melalui e-mel di info@etiqacom.my, dengan menghubungi Etiqua Online 1300 13 8888 atau +603 2297 3888, melalui faksimile ke +603 2297 3800, atau secara pos ke Etiqua General Takaful Berhad (201701025031), (Dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia), Aras 13, Menara B, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur atau melayari laman utama kami di www.etiqacom.my.

Jika anda mempunyai aduan, pertikaian atau maklum balas berkaitan permohonan ini, sila hubungi unit aduan kami melalui e-mel di complaint_cmu@etiqacom.my, dengan menghubungi 1300 13 8888 dari Malaysia atau +603 2780 4500 dari luar negara atau secara pos ke Unit Pengurusan Aduan, Aras 6, Menara B, Dataran Maybank, No 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.

Jika anda tidak berpuas hati dengan cara pengendalian kami, anda boleh merujuk kepada Bank Negara Malaysia melalui e-mel di bnmlink@bnm.gov.my, dengan menghubungi 1300 88 5465, melalui faksimile ke +603 2174 1515, atau secara pos kepada Pengarah, Jabatan LINK & Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Jika anda mempertikaiakan keputusan yang telah dibuat oleh kami, anda boleh merujuk kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) melalui talian am di +603 2272 2811 atau secara pos kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (No syarikat: 200401025885) (Dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan) Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur atau layari laman web FMOS di www.fmos.org.my

11. Lain-lain jenis perlindungan takaful motor yang boleh didapati

- a. Pihak Ketiga
- b. Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian

12. Apakah Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu?

Ini adalah manfaat tambahan baru untuk Kenderaan Persendirian Komprehensif yang memberikan rebat tunai kepada pemandu jarak tempuh rendah sesuai dengan Jadual Rebab seperti yang dinyatakan di bawah, jika peserta memilih manfaat tambahan pilihan ini pada tarikh penyertaan sijil atau tarikh pembaharuan. Anda mungkin mendapat pengembalian sehingga 30% dari sumbangan asas yang anda bayar untuk setahun bergantung pada jarak tempuh anda. Sumbangan asas yang dibayar dikira berdasarkan sumbangan asas ditolak Diskaun Tanpa Tuntutan (DTT) ditolak diskaun untuk penyertaan secara langsung (jika ada).

a) Siapa yang layak memilih Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu?

Mereka yang menyertai takaful kenderaan persendirian dengan kami untuk kereta kegunaan peribadi.

b) Adakah saya perlu membayar sumbangan tambahan untuk Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu?

Tiada sumbangan tambahan untuk Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu.

c) Bagaimanakah saya memilih Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu?

Sekiranya Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu dipilih semasa penyertaan takaful kenderaan persendirian, enjin pengunderaitan kami akan mengenal pasti kelayakan anda berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam butiran 12(a) di atas. Sekiranya anda layak, takaful kenderaan persendirian anda akan dikeluarkan dengan endorsemen Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu. Anda akan diberitahu melalui SMS (khidmat pesanan ringkas) dan/atau e-mel mengenai pendaftaran anda. Selepas itu, anda perlu menyerahkan data jarak tempuh anda secepat yang mungkin.

d) Bagaimanakah cara mengemukakan data jarak tempuh saya?

Data Jarak Tempuh anda hendaklah dikemukakan kepada kami selepas pengaktifan perlindungan Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu melalui platform kami. Penyerahan seterusnya adalah sepanjang Tempoh Takaful di mana anda akan menerima peringatan SMS dari kami.

e) Bagaimanakah saya layak untuk rebat tunai?

Anda akan menerima rebat tunai tersebut dalam tempoh 3 (tiga) hari selepas penyerahan data jarak tempuh anda, dengan syarat jumlah jarak tempuh anda yang dikendalikan dalam tempoh takaful termasuk dalam Jadual Rebab seperti di bawah. Walau bagaimanapun, anda tidak berhak mendapat rebat tunai sekiranya:

- i. Anda adalah pemandu yang mempunyai Jarak Tempuh tinggi dan jumlah harian Jarak Tempuh anda tidak termasuk dalam linkungan Jadual Rebab;
- ii. Sijil ini telah dibatalkan oleh Anda atau Kami pada bila-bila masa sebelum berakhirnya Tempoh Takaful; atau
- iii. Terdapat tempering / pengubahsuai / penggantian atau kerosakan fungsi odometer kereta anda yang tidak dibenarkan.

Rebat tunai dikira setiap hari, sebagai peratusan sumbangan bersih anda berdasarkan pemboleh ubah dalam Jadual Rebab di bawah.

Tahap	Jarak Kilometer Harian	% Rebab Harian	Jumlah % Rebab setahun
1	0 -14	0.082%	30%
2	15 - 28	0.055%	20%
3	29 -42	0.027%	10%

Nota: Pecahan jarak pemanduan akan dibundarkan kepada kilometer yang terdekat.

f) Bilakah saya akan mendapat rebat tunai saya?

Rebat tunai akan dikreditkan ke dalam akaun bank anda dalam masa 3 (tiga) hari dari tarikh penerimaan data jarak tempuh anda. Pembayaran rebat tunai ini adalah tertakluk kepada Jadual Rebab yang diperuntukkan dalam butiran 12(e) di atas dan kriteria lain yang disebutkan di bawah butiran 12(a) di atas.

g) Bagaimanakah rebat tunai yang dikira?

Rebat tunai dikira berdasarkan purata jarak tempuh harian, yang dikira menggunakan data jarak tempuh untuk setiap muat naik berikutnya terhadap data jarak tempuh yang diambil semasa pengaktifan.

- i. Penyerahan pertama jarak tempuh pemanduan - rebat tunai dikira berdasarkan purata jarak yang dipandu setiap hari selama tempoh takaful di antara pengaktifan pertama manfaat tambahan Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu dan penyerahan pertama jarak tempuh yang dipandu seterusnya..
- ii. Penyerahan kedua dan penyerahan seterusnya jarak tempuh pemanduan - rebat tunai dikira berdasarkan purata jarak yang dipandu setiap hari selama tempoh takaful di antara pengaktifan pertama manfaat tambahan Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu dan penyerahan kedua jarak tempuh yang dipandu seterusnya..
- iii. Jarak tempuh purata harian yang dikira akan diaplิกasikan pada Jadual Rebab untuk mengenal pasti peratusan rebat yang sesuai.
- iv. Rebab tunai akan dibayar kepada Peserta dari Tabung Takaful Am.

Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai ilustrasi sampel rebat tunai dalam Soalan Lazim Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu dari laman web kami di www.etiqa.com.my

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN KENDERaan ANDA DILINDungi DENGAN NILAI YANG BERPATUTAN KERANA IA AKAN MENENTUKAN JUMLAH YANG BOLEH ANDA TUNTUT. JIKA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA BERURUSAN DENGAN BENGKEL PEMBAIKAN YANG DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMILIKI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA TIDAK BERSALAH DALAM KES KEMALANGAN INI, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MENYERAHKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA KAMI. ANDA HARUS BACA DAN FAHAM KANDUNGAN SIJIL TAKAFUL DAN HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.